



Amanat Tahun Baru 2009



Sempena kita telah melangkah masuk ke tahun baru 2009 ini, sukacita saya mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU kepada semua warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semoga permulaan tahun baru ini akan memberi keazaman dan semangat yang lebih kuat dengan etika kerja terpuji untuk kita sama-sama mencorak penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang, lebih gemilang, dan lebih terbilang selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat Malaysia yang dicintai ini terpelihara.

Setiap kali kita melangkah masuk ke tahun baru, adalah menjadi suatu tanggungjawab untuk kita mengimbas kembali tanggungjawab serta hasrat dan pengharapan KPKT kepada semua warga kerjanya bagi memastikan Kementerian ini sentiasa berada di landasan yang betul dalam melaksanakan peranan dan fungsinya dalam merealisasikan suasana kehidupan yang selesa dan sejahtera melalui pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang bagi melahirkan masyarakat yang maju, berdisiplin dan berdaya saing.

Dalam melangkah masuk ke tahun baru, bermakna kita juga perlu sensitif terhadap persekitaran supaya kita dapat memperolehi manfaat daripadanya. Kita tidak boleh bersifat leka dengan apa yang telah kita lakukan atau capai pada tahun sebelumnya dengan tidak menyedari perubahan persekitaran yang berlaku di sekeliling kita. Perubahan adalah satu faktor yang tetap dalam kehidupan kita dan persekitaran tetap akan mempengaruhi gerak langkah kita. Justeru itu, kita tidak boleh terus reaktif sahaja di dalam melihat perubahan-perubahan ini.

Kita sekarang berhadapan dengan perubahan pergolakan(turbulent) seperti isu persejagatan, pertindihan persempadanan, dan perubahan di dalam negara kita sendiri sama ada isu masyarakat, sosio-ekonomi, dan politik. Dalam hal ini, kita perlu mempunyai keupayaan untuk bertindak cepat, proaktif dan sentiasa bersedia untuk membuat perubahan yang radikal. Justeru, saya mengajak semua warga KPKT untuk mengubah sikap dan minda ke arah meningkatkan tahap kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kita kepada pelanggan dan stakeholders.

Akhir kata, tahun 2009 merupakan tahun bagi semua peringkat warga KPKT untuk meningkatkan lagi keazaman dan tekad masing-masing serta terus mengambil bahagian dan memberi sumbangan yang bermakna dari segi fizikal dan rohani dalam melaksanakan tugas. Kita adalah pemegang amanah yang menjaga kepentingan rakyat dan negara. Oleh itu, kita patut mempunyai keazaman yang tinggi untuk memberi sumbangan dengan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, cekap dan adil.

Y.B. Dato' Seri Ung Ka Chuan
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



15 JAN 2008 - 16 JAN 2008

SEMINAR PENILAIAN KEBERKESANAN
PELAKSANAAN INISIATIF BARU
MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN
KERAJAAN



17 FEB 2008

SEMINAR MASTERCLASS PLACE
BRANDING



3 JUL 2008

PENSIJILAN MS ISO 9001:2000 KPKT



7 MEI 2008

TAKLIMAT KEPADA BARISAN NASIONAL
BACK BENCHERS CLUB (BNBBC)



5 MEI 2008

ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG 2007



22 MEI 2008

PELANCARAN BULETIN KPKT

19 JUL 2008

FESTIVAL LAMAN 2008



5 NOV 2008

HARI HABITAT SEDUNIA DAN
PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2008



27 NOV 2008

ANUGERAH KUALITI PENGURUSAN
KEWANGAN KATEGORI KEMENTERIAN DI
ANUGERAH KUALITI SEKTOR AWAM 2008



14 OGOS 2008

ANUGERAH LAMAN WEB TERBAIK
KERAJAAN MALAYSIA BERTARAF 5
BINTANG



18 NOV 2008 - 19 NOV 2008

KONVENSyen KMK PERINGKAT
KEBANGSAAN



18 DIS 2008

MAJLIS SAMBUTAN HARI Q



MAJLIS SERAH TUGAS KEPADA Y. BHG. DATO' AHMAD BIN HJ. KABIT



Majlis serah tugas Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berlangsung pada 7 Januari 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, KPKT. Majlis serah tugas dari Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail kepada Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Kabit, Ketua Setiausaha (KSU) KPKT yang baru disaksikan oleh Y. Bhg. Dato Robert Lau, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y. Bhg. Datin Noriah bt. Hashim, Timbalan KSU (Pengurusan) dan Y. Brg. Encik Yeo Heng Hau Timbalan KSU (Dasar dan Pembangunan). Turut hadir bersama ialah Ketua-ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah dan semua Setiausaha-setiausaha Bahagian.

Terima Kasih



Sekalung penghargaan dan terima kasih untuk Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail, mantan Ketua Setiausaha KSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di atas segala sumbangan bakti yang dicurahkan selama berkhidmat di KPKT mulai 2 Januari 2006 hingga 13 Disember 2008. Warga KPKT ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah ke atas pelantikan beliau selaku Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke-9. Dengan pengalaman dan prestasi cemerlang beliau dalam bidang pentadbiran kerajaan tempatan, seluruh warga kerja KPKT yakin Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad akan dapat memimpin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjadi sebuah pentadbiran yang lebih responsif, prihatin, cekap serta "Mesra Rakyat", selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan sistem penyampaian perkhidmatan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai "Bandaraya Bertaraf Dunia". Pada masa yang sama, Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad turut mengucapkan terima kasih dan berharap warga KPKT terus berusaha supaya aspirasi KPKT dapat dicapai menjadi Kementerian bertaraf terbaik, nombor satu bertaraf 5 Bintang. Selamat maju jaya!

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Paras 1 - 7, Blok K, Pusat Bandar Damansara
Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2094 7033,
No. Faksimile : 03-2094 9720

Website : www.kpkt.gov.my

